

MPOA syor kaji pasaran minyak masak dunia

BH - 1 JUN 2002

PERSATUAN Minyak Sawit Malaysia (MPOA) mencadangkan supaya kerajaan menggunakan sebahagian kutipan ses eksport minyak sawit bagi melaksanakan kajian mengenai pasaran minyak masak dunia bagi memastikan kestabilan dalam harga minyak sawit keluaran negara.

Pengerusinya, Tan Sri Khalid Ibrahim, berkata kajian itu bukan saja bertujuan mengenal pasti kaedah terbaik untuk mempertahankan harga minyak sawit di pasaran, tetapi juga bagi meningkatkan produktiviti industri itu.

"MPOA mencadangkan supaya kita dapat menggunakan sebahagian daripada ses eksport minyak sawit untuk membuat kajian mengenai perniagaan dan meneroka peluang dalam industri minyak sawit supaya kita dapat tahu cara terbaik untuk memulihkan harga minyak sawit dan produktiviti industri

itu," katanya kepada pemberita ketika ditemui selepas sesi kedua Majlis Dialog Belanjawan 2003, di Putrajaya, semalam.

Dialog itu dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga adalah Menteri Kewangan.

Khalid berkata, peningkatan harga minyak sawit sejak kebelakangan ini sangat menggalakkan sekali gus meningkatkan pungutan ses daripada eksport komoditi berkenaan.

Sementara itu, Persatuan Agensi-Agensi Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia (MATTA) pula mencadangkan supaya kerajaan memberikan beberapa insentif kepada industri berkenaan supaya ia dapat bersaing dengan negara lain yang turut berusaha menarik pelancong yang sama.

Presiden MATTA, Tunku Iskandar Tunku Abdullah, yang ditemui selepas maj-

lis dialog itu berkata, antara insentif yang dicadangkan termasuk pemotongan cukai bagi perbelanjaan latihan, teknologi komunikasi dan maklumat, promosi di luar negara dan pembelian kenderaan.

Beliau berkata, insentif itu perlu kerana selain meningkatkan jumlah pelancong, negara juga memerlukan program khusus untuk meningkatkan kualiti pelancong yang akan melawat negara ini.

Beliau berkata, pelancong berkualiti seperti dari Eropah dan juga negara maju yang lain boleh ditarik menerusi penganjuran program untuk industri seperti mesyuarat, persidangan dan pameran.

"Kita harapkan beberapa insentif akan diberi kepada industri pelancongan supaya dapat kami bersaing dengan negara lain yang juga mahu menarik pelancong yang sama," katanya.